

UNTUK SIARAN SEGERA

Sime Darby Property Mengukuhkan Kecemerlangannya dalam Industri Hartanah Dengan Kemenangan di BCI Asia Awards

- Sime Darby Property terpilih sebagai salah satu daripada 10 pemaju hartanah terbaik di Malaysia;
- Anugerah ini mengiktiraf usaha-usaha Syarikat untuk meningkatkan impak positif terhadap aspek-aspek sosial dan alam sekitar melalui pembangunannya.

ARA DAMANSARA, 24 JUN 2023: Sime Darby Property Berhad (“Sime Darby Property” atau “Syarikat”) mengekalkan prestasi cemerlangnya dengan satu lagi kemenangan besar di BCI Asia Awards 2023 di mana Syarikat dipilih sebagai salah satu daripada 10 pemaju hartanah terbaik di Malaysia.

Dengan kemenangan kali ke-11 di anugerah tahunan ini, Sime Darby Property sedia menunjukkan komitmen Syarikat dalam mengekalkan kualiti cemerlang dan pelaksanaan kemampanan yang baik di keseluruhan projek-projek hartanahnya.

Pengarah Urusan Kumpulan Sime Darby Property, Dato’ Azmir Merican berkata: “Kebolehan Sime Darby Property dalam menunjukkan kreativiti, kualiti, dan kemampanan telah memainkan peranan yang penting untuk tampak jelas dan meraih pencapaian yang berprestij ini.”

“Kami berpendapat bahawa semua pembangunan dan perbandaran Sime Darby Property mesti bertahan sepanjang masa serta memberikan impak sosial dan alam sekitar yang positif.”

Sime Darby Property kekal komited dalam membina ruang yang menggabungkan reka bentuk berfungsi dengan susun atur bernes untuk meningkatkan kualiti hidup penghuni dan komuniti di perbandarannya.

Projek-projek yang dikemukakan kepada pihak pengajur termasuk Detached Factories 1 & Twin Factories III, Twin Factories II, Ilham Residences 2 dan Elmina Green 6 di Bandar Elmina; Nadira 1 dan The Detached Factories di Bandar Bukit Raja; Serenia Aqila di Bandar Serenia; XME Business Park di Nilai Impian dan Park One di Melawati.

Dianjurkan oleh BCI Central, BCI Asia Awards memberi pengiktirafan kepada pemaju hartanah dan firma arkitek yang telah membina dan merekabentuk bangunan dengan nilai projek terbesar di pasaran Asia termasuk Hong Kong, Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.

Anugerah 10 Pemaju Hartanah Terbaik secara khususnya memberi pengiktirafan kepada 10 reka bentuk dengan sumbangan terbesar kepada persekitaran binaan pada tahun sebelumnya, mengikut tahap kemampanan dan penilaian bangunan hijau yang disahkan.

Dato' Azmir berkata: "Penghargaan ini mengukuhkan lagi komitmen kami dalam membangunkan perbandaran mampan dan membentuk prospek seja jar dengan matlamat Syarikat sebagai pengganda nilai kepada masyarakat, perniagaan, ekonomi dan planet. Dedikasi kami menjangkau pembangunan harta tanah sambil kami bergerak untuk memupuk komuniti berkekalan yang meningkatkan kualiti kehidupan untuk generasi akan datang."

Tambah Dato' Azmir: "Kami berterima kasih kepada BCI Central kerana mengiktiraf usaha kami di kala kami terus memajukan industri harta tanah negara. Kami akan kekal komited dalam menyampaikan kebolehtinggalan dan kemampuan untuk manfaat pihak berkepentingan kami."

-TAMAT SIARAN-

Mengenai Sime Darby Property Berhad

Sime Darby Property adalah pemaju harta tanah terkemuka dengan reputasi cemerlang dalam membangunkan komuniti lestari selama 50 tahun. Syarikat mempunyai 24 perbandaran dan pembangunan yang aktif, serta jangkauan yang luas merangkumi aset dan operasi di seluruh negara. Sime Darby Property juga mempunyai operasi di UK melalui penglibatannya dalam konsortium Malaysia dalam projek pembangunan Battersea Power Station di London.

Sebagai syarikat yang bertanggungjawab, Sime Darby Property, bersama Yayasan Sime Darby (YSD) secara aktif melancarkan pelbagai program untuk membantu pihak berkepentingan yang memerlukan di kawasan perbandarannya di seluruh negara. Sebagai syarikat harta tanah yang cemerlang di peringkat antarabangsa dan tempatan, Sime Darby Property diiktiraf sebagai konstituen MSCI ACWI Small Cap Index bertaraf MSCI ESG BBB, dan dinilai oleh Carbon Disclosure Project.

Sime Darby Property berbangga dikenali sebagai pemenang pelbagai anugerah dalam industri harta tanah. Pada tahun 2021, Syarikat terus diiktiraf sebagai pemaju harta tanah terkemuka untuk kali kesepuluh berturut-turut dalam anugerah 'The Edge Malaysia's Top Property Developers Awards'. Sime Darby Property juga telah dinobat sebagai 'EdgeProp Malaysia's Responsible Developer: Building Sustainable Development Award 2021', serta pemenang bagi anugerah 'Building Trust Awards 2021' PwC di bawah kategori indeks FBM Mid 70.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.simedarbyproperty.com
Kontak Media: Adela Megan Willy | +6017-604 5562 | adela.megan@simedarbyproperty.com
Untuk pertanyaan lanjut, sila emel: group.communications@simedarbyproperty.com